



PROSIDING **KOLOKIUM** 2003

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah,
Kampus Sungai Petani,
Peti Surat 187, 08400 Merbok,

Kedah Darul Aman, Malaysia

Tel: 04 4562000

Fax: 04 4562223

Laman Web: <http://www.kedah.uitm.edu.my>

KOLOKIUM 2003

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI

Pada:
17 April 2003

Tempat:
*Cinta Sayang Golf & Country Resort
Sungai Petani
Kedah Darul Aman*

Isi Kandungan

Kata-kata Aluan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA	i
Kata-kata Aluan Pengarah Kampus, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah	ii
Kata-kata Aluan Pengerusi Jawatankuasa Kolokium 2003	iii
The Effects Of Production, Stock And Export Variables On The Prices Of The Malaysian Crude Palm Oil Futures Market <i>Dr. NIK MUHAMMAD NAZIMAN ABD RAHMAN</i>	1
Corak Perbelanjaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN): Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Zon Utara (Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani Dan Kampus Arau) <i>NORMALA ISMAIL</i>	12
Comparison Of Students' Achievements In University Technology Mara (UiTM) English Examinations And Malaysian University English Test (MUET) <i>ALAUYAH JOHARI</i>	30
A Comparative Study Of The Marketing Strategies Adopted By The Conventional Insurers And Islamic Insurers. <i>MAZNAH WAN OMAR</i>	42
Adakah Kecemerlangan Pelajar Ditentukan Oleh Penguasaan Bahasa Inggeris? Satu Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Zon Utara (Kampus Sungai Petani, Kampus Bukit Mertajam Dan Kampus Arau) <i>NOOR SALIZA ZAINAL</i>	53
Currency Crisis And Stock Price Behavior : Evidence From The Kuala Lumpur Composite Index <i>ANUAR HAJI WAHAB</i>	69
Lampiran A : Aturcara Majlis Kolokium 2003	
Lampiran B: Ahli Jawatankuasa Kolokium 2003	

CORAK PERBELANJAAN WANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (PTPTN): KAJIAN KES DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) ZON UTARA (KAMPUS BUKIT MERTAJAM, KAMPUS SUNGAI PETANI DAN KAMPUS ARAU)

NORMALA ISMAIL

*Pensyarah Ekonomi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

NOOR SALIZA ZAINAL

*Pensyarah Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

SOFIAH MOLEK LOPE AMAN SHAH

*Pensyarah Pemasaran
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

MAZNAH WAN OMAR

*Pensyarah Pengurusan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti secara empirik corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan para pelajar di UiTM Zon Utara Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani dan Kampus Arau. Penyelidikan ini merupakan suatu kajian lapangan berdasarkan kepada kajian keratan rentas (cross sectional). Kajian ini menggunakan analisis regresi ekonometrik, teknik deskriptif, ujian – t dan analisis varians berdasarkan kaedah Statistical Package For Social Sciences (SPSS). Penyelidikan mengkategorikan perbelanjaan wang PTPTN pelajar kepada dua kumpulan iaitu pelajar merancang dan pelajar tidak merancang. Umumnya, wang PTPTN dibelanjakan oleh pelajar untuk akademik wajib, akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian. Hasil analisis berganda mendapati bahawa perbelanjaan persendirian merupakan faktor paling dominan mempengaruhi jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN pelajar merancang dan tidak merancang. Hasil analisis varians pula menunjukkan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN bagi pelajar merancang dan tidak merancang berbeza atas tiga faktor yang sama iaitu kampus cawangan UiTM, bahagian pengajian kini dan program pengajian. Adalah diharapkan hasil penyelidikan ini dapat membantu pihak pengurusan UiTM Zon Utara merangka pelan tindakan yang bersesuaian serta membina kesedaran di kalangan para pelajar terhadap penggunaan wang PTPTN.

PENGENALAN

Pinjaman wang PTPTN ini telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada 1 November 1997 dan semenjak itu terdapat pelbagai isu dan permasalahan berkaitan dengannya telah ditimbulkan. Kebanyakannya melibatkan aspek pengurusan dana, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan prosedur pinjaman. Sehingga kini, tiada isu atau persoalan berkaitan

dengan penggunaan atau corak perbelanjaan wang PTPTN dibangkitkan. Penyelidikan atau tinjauan yang khusus tentang corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan pelajar IPT belum pernah dijalankan oleh mana – mana pihak. Justeru itu, penyelidikan ini boleh dianggap perintis untuk menilai dan menjamin matlamat utama pinjaman wang PTPTN dapat direalisasikan.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Tujuan penyelidikan ini ialah untuk melihat bagaimakah corak perbelanjaan wang PTPTN di samping mengenal pasti sejauh manakah tahap kesedaran dan keberkesanannya penggunaannya di kalangan para pelajar yang menerima peruntukan wang PTPTN tersebut. Penyelidikan ini diharap dapat membantu pihak pengurusan di UiTM Zon Utara mengenal pasti faktor – faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan pelajar dan seterusnya dapat merangka pelan tindakan yang bersesuaian melalui dapatan kajian. Diharap menerusi penyelidikan ini juga, para pelajar dapat membina kesedaran di kalangan mereka supaya dapat menggunakan wang PTPTN dengan lebih efektif berdasarkan kepada matlamat penubuhannya yang sebenar selain daripada mewujudkan budaya perbelanjaan berhemah seiring dengan budaya menabung dan saranan dasar jimat cermat yang dirancang oleh pihak Kerajaan.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas para pelajar Diploma sepenuh masa Semester Dua sehingga Semester Enam yang tinggal di dalam kampus dan menerima bantuan wang PTPTN sahaja. Mereka adalah terdiri daripada pelajar – pelajar pengajian Pengurusan Perniagaan (DBS), Pengurusan Perbankan (DIB), Perakaunan (DIA), Pentadbiran Awam (DPA) dan Kejuruteraan (DIE). Soal selidik yang diedarkan di dalam kajian ini adalah terhad kepada 450 orang responden atau 10% daripada populasi keseluruhan yang berjumlah lebih kurang 4,500 orang pelajar untuk satu semester pengajian mulai Semester Mei 2002 sehingga Oktober 2002.

HIPOTESIS KAJIAN

Sebanyak lima hipotesis telah dibentuk bagi tujuan kajian ini dan hipotesis – hipotesis tersebut adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Hipotesis 1:

Tiada perbezaan yang signifikan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.

Hipotesis 2:

Tiada perbezaan yang signifikan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang.

Hipotesis 3:

Tahap kesedaran penggunaan wang PTPTN di kalangan para pelajar adalah sama tanpa mengambil kira program pengajian, bahagian pengajian kini, pendapatan bulanan keluarga, cawangan kampus UiTM dan HPGK.

Hipotesis 4:

Tiada hubungan di antara perbelanjaan akademik wajib, akademik tidak wajib dan jumlah perbelanjaan persendirian pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.

Hipotesis 5:

Tiada hubungan di antara perbelanjaan akademik wajib, akademik tidak wajib dan jumlah perbelanjaan persendirian pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kumpulan penyelidik telah memohon kebenaran daripada pihak pentadbiran UiTM Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani dan Kampus Arau untuk menjalankan

penyelidikan. Para pensyarah di kampus berkenaan telah diminta untuk mengedar borang soal selidik di bilik – bilik kuliah. Sebanyak 450 borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar Diploma yang terbabit. Oleh kerana jumlah pelajar di dalam bilik kuliah berbeza, maka bilangan responden bagi setiap program juga turut berbeza. Borang yang telah lengkap diisi dikutip semula selepas tiga puluh minit. Daripada jumlah tersebut, 341 borang (76%) sesuai digunakan untuk analisis selanjutnya dan sebanyak 109 borang (24%) lagi tidak dapat digunakan kerana terdapat beberapa bahagian soalan yang ditinggalkan kosong.

Soal selidik kajian ini mempunyai tujuh bahagian. Bahagian 1 mengenai latar belakang, Bahagian 2 pula tentang latar belakang pengajian di UiTM, Bahagian 3 berkaitan dengan latar belakang keluarga, Bahagian 4 mengenai latar belakang pendidikan sekolah menengah, Bahagian 5 berkaitan dengan penggunaan wang PTPTN, Bahagian 6 pula berkaitan dengan tahap kesedaran penggunaan wang PTPTN dan Bahagian 7 berkenaan dengan pernyataan sikap responden.

Pembolehubah bersandar di dalam penyelidikan ini terdiri daripada corak perbelanjaan wang PTPTN yang ingin melihat sejauh manakah kesedaran dan keberkesanannya penggunaan wang PTPTN di kalangan pelajar yang menerima peruntukan wang tersebut selain daripada mengenal pasti faktor – faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan mereka. Manakala, pembolehubah tidak bersandar pula terdiri daripada perbelanjaan akademik dan perbelanjaan persendirian. Perbelanjaan akademik dikategorikan kepada dua iaitu perbelanjaan akademik wajib dan tidak wajib. Perbelanjaan persendirian pula merujuk kepada perbelanjaan persendirian merancang dan perbelanjaan persendirian yang tidak merancang. Beberapa item telah disediakan di dalam soal selidik bagi mengukur kedua – dua pembolehubah ini. Nilai Alpha Cronbach bagi konsistensi kebolehpercayaan item – item tersebut ialah 0.60 ke atas.

HASIL PENYELIDIKAN

Hipotesis 1

Tiada perbezaan yang signifikan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.

Hipotesis diuji menggunakan kaedah Ujian – t (t – Test).

Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil Ujian – t Pasangan (Paired Sample Test) terhadap perbezaan di antara jantina dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang. Aras keyakinan yang digunakan dalam ujian ini ialah $\alpha = 0.05$. Merujuk kepada Jadual 1, nilai min ialah – 2.6732, sisihan piawai ialah 1.92287 dan nilai t ialah – 22.286 menyebabkan nilai p ialah 0.000, kurang daripada 0.05. Oleh itu, ujian ini berjaya menolak hipotesis nul dan kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.

Jadual 1: Perbezaan Jantina Dan Lokasi Tempat Tinggal Dengan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan Wang PTPTN Yang Dirancang

Pembolehubah Kajian	n	min	sp	t	p
Jantina	257	– 2.6732	1.92287	– 22.286	0.000
Lokasi Tempat Tinggal	257	– 2.7510	1.92441	– 22.917	0.000

Jadual 1 di atas juga menunjukkan hasil Ujian – t Pasangan terhadap perbezaan lokasi tempat tinggal tetap keluarga dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang pada aras signifikan yang digunakan dalam ujian ini ialah $\alpha = 0.05$. Hasil analisis menunjukkan nilai min ialah – 2.7510, dengan nilai sisihan piawai ialah 1.92441 dan nilai t ialah – 22.917. Hasil ujian ini juga menunjukkan nilai p ialah 0.000, kurang daripada 0.05. Ujian ini berjaya menolak hipotesis nul dan kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan di antara lokasi tempat tinggal tetap keluarga dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.

BIBLIOGRAFI

- Coakes, S. J. & Steed, L. G. 2001. *SPSS: Analysis Without Anguish*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Cosmas, S. C. 1981. Life Styles And Consumption Patterns. *Journal Of Consumer Research* 8: 453 455.
- Curing The Credit Blues. (Tanpa Tarikh). *The Iowa Stater*: February 1998.
- Engel, J. F., Koliat, D. T. & Blackwell, R. D. 1973. *Consumer Behavior*. New York: The Free Press.
- Hansen, F. 1971. *Consumer Choice Behavior: A Cognitive Approach*. New York: The Free Press.
- Harward, J. A. 1973. *Buyer Behavior*. New York: Alfred A. Knoff.
- Hayhoe, C. R., Leach, L. J., Turner, P. R., Bruin, M. J. & Lawrence, F. C. Differences in Spending Habits And Credit Use Of College Students. *The Journal Of Consumer Affairs* 34 (1): 113 133. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).
- Hirt, J. B. & Nick, H. How Do Students Manage Money: Some developmental Implications. *NASPA Journal* 37 (1): 349 356. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).
- Jariah Masud. 1982. Corak Perbelanjaan Dan Pengurusan Di Kalangan Beberapa Keluarga Melayu Dan Cina Di Wilayah Persekutuan. *PERTANIKA* 5 (1): 45 52.
- Kamal Bahrin Bin Shamsuddin, Wan Hasnah Binti Wan Abdul Kadir & Puzlah Binti Mohd. 2000. Kajian Pengenalpastian Gelagat Pengguna Persendirian Di Kalangan Siswa Siswi UiTM Kampus Segamat, Johor. Kertas Kerja Pembentangan Konferensi Akademik UiTM Kampus Segamat. The Legend Resort, Pahang, 6 – 8 September.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (Tanpa Tarikh). Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. (Atas Talian) <http://keduak.moe.gov.my/eps/ptptn.htm> (2 Mei 2002).
- Kinsey, J. & Mc Alister, R. 1981. The Consumer Knowledge Of Costs Of Open – Ended Credit. *Journal Of Consumer Affairs* 15 (2): 249 270.
- Kwok Kwan Kit. 1979. A Research Paper On An Analysis Of Household Demand In Peninsular Malaysia. *Research Paper Department Of Statistics* 15: 1 51.
- New Studies Characterize College Students Purchasing Behaviors: Predict The Habits Of Future 'Main Street' Consumers. 2001. Research By The National Association Of College Stores Offers Retailers For Success With 18 To 24 Year Old Demographic. *Student Watch TM Campus Market Research*: March 6.
- Nurizan Yahya, Jaiyah Shahbuddin & Jariah Masud. 1985. Pengaruh Faktor – Faktor Sosioekonomi Terhadap Kesedaran Pengguna. *PERTANIKA* 8 (1): 89 96.
- Pattern, P. 2001. Teenagers: Employment And Money Management. *Parent News For November December 2001 Of Interest*. (Atas Talian) <http://npin.org/pnews/2001/pnew1101/int1101c.html> (2 August 2002).
- Paulin, G. D. Expenditures Of College – Age Students And Nonstudents. *Monthly Labor Review* 124 (7): 46 50. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Lulus Lagi Pinjaman Pendidikan Kepada 42,448 Pelajar. 2002. *Utusan Malaysia*. 7 Ogos: 11.

Pinto, M. B., Parente, D. H. & Palmer, T. S. College Students Performance And Credit Card Usage. *Journal Of College Student Development* **42** (1): 49-56. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).

Tan Seng Giaw. 2000. Memastikan Bahawa Pelaburan Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2000. (Atas Talian) <http://www.malaysia.net/dapmnet/parltgs3.html> (2 Mei 2002).

Uma Sekaran. 2000. *Research Methods For Business: A Skill – Building Approach*. Third Edition. New York: John Wiley & Sons.

YB Menteri Pendidikan. 1997. Penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. (Atas Talian) <http://www.moe.gov.my/bul297d.htm> (2 Mei 2002).



Design&Concept > Jabatan Seni Reka Perindustrian
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Kedah